

**Dagangan Dua Hala Malaysia-India Dalam Kedudukan Capai US\$15 Bilion
Menjelang 2015
Bernama
22 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Dagangan dua hala Malaysia-India berada pada kedudukan yang baik untuk mencapai sasaran US\$15 bilion (US\$1=RM3.15) menjelang 2015, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata jumlah dagangan dari Januari hingga September tahun ini melonjak 34.8 peratus kepada US\$9.4 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas, dan sudah melepasi jumlah dagangan US\$7.1 bilion bagi keseluruhan tahun 2010.

"Kami yakin pelaksanaan CECA (Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India) dan tumpuan berterusan kerajaan, sasaran dagangan bernilai US\$15 bilion akan dicapai pada 2015, malah boleh direalisasikan sebelum itu," kata Najib pada jamuan gala CECA di sini Selasa malam.

Najib berkata meskipun terdapat peningkatan, masih ada ruang untuk meluaskan hubungan ekonomi dari segi kuantiti dan kualiti.

"Oleh itu manfaat dan liberalisasi menerusi pelaksanaan CECA perlu dilaksanakan secara berkesan dan meluas, terutama dalam pelbagai dagangan, perniagaan, pengeluaran dan industri berkaitan selain untuk badan profesional," kata Perdana Menteri.

Najib berkata berdasarkan pandangan Malaysia, dewan perniagaan di India boleh memainkan peranan penting dalam memenuhi kehendak usahawan India bagi membolehkan Malaysia menarik pelaburan dari India.

Menurutnya menjangkau Malaysia-India serta menimbang bahawa CECA akan melengkapkan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean-India, persatuan industri dan perdagangan Malaysia juga boleh memainkan peranan penting dalam merapatkan hubungan India dan Asean.

"Dalam hubungan ini, Malaysia sudah sedia memudahkan kemasukan usahawan India ke Asia Tenggara," kata Perdana Menteri.

Ditandatangani pada 18 Feb lepas di Putrajaya, CECA meliputi perdagangan, perkhidmatan, pelaburan dan bidang lain termasuk perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, pergerakan sementara manusia, teknologi maklumat dan komunikasi dan bioteknologi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629073>